



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 March 2016

Dr. M digesa tidak pengaruhi mana-mana pihak

KUALA LUMPUR 20 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa supaya tidak cuba mempengaruhi mana-mana pihak dalam UMNO sebaliknya dinasihatkan supaya berpegang semula pada kata-katanya sebelum ini iaitu tidak lagi mahu bersama parti tersebut.

Ketua Bahagian UMNO Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, Dr. Mahathir tidak sepatutnya menghantar surat terbuka kepada ketua-ketua cawangan UMNO di seluruh negara menolak kepemimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak dan menggesa supaya pemilihan semula dilaksanakan.

Tegasnya, pemilihan yang ditangguhkan itu adalah amalan Dr. Mahathir sejak dahulu ketika beliau mengetuai UMNO, justeru apa yang berlaku dalam parti ketika ini meneruskan kesinambungan tradisi lama selain berusaha memberi tumpuan penuh untuk menang dalam pilihan raya akan datang.

"Pada saya, surat terbuka Dr. Mahathir menerusi laman blognya, CheDet itu tidak patut dikeluarkan kerana ia boleh mengelirukan banyak pihak. Walau bagaimanapun, saya yakin tindakan Dr. Mahathir itu gagal untuk mempengaruhi mana-mana ahli UMNO termasuk 13,000 ahli di Bahagian Lembah Pantai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam Persidangan UMNO cawangan-cawangan dalam Bahagian Lembah Pantai Wilayah Persekutuan 2016 di Dewan Persatuan Alumni Universiti Malaya (UM), di sini hari ini.

Persidangan sehari itu dirasmikan oleh Bendahari UMNO, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah yang juga Menteri Kewangan Kedua.

Menerusi entri blog CheDet bertajuk 'Surat Kepada Ahli-ahli Cawangan UMNO' yang dimuat naik kelmarin, Dr. Mahathir antara lain meminta anggota parti yang sayangkan perjuangan asal UMNO membantunya menyelamatkan parti dan negara.